

FKEE UTHM lakar sejarah tersendiri

Raih kejayaan dalam IMDC 2017 setelah berentap dengan 45 pasukan dari universiti lain

BATUPAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melakar sejarahnya tersendiri apabila penuntut dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) berjaya dalam pusingan Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) 2017.

Dalam pusingan akhir itu peserta dari UTHM berentap dengan 45 pasukan dari universiti lain seperti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Dekan fakulti berkenaan, Prof Madya Dr Afandi Ahmad berkata, menerusi IMDC, penuntut bukan sahaja diasah kemahiran penyelesaian masalah, malah perkakasan dan perisian yang digunakan juga selari dengan apa yang digunakan di industri.

Menurutnya, tema serta skop IMDC yang menjurus kepada kepesatan Industri 4.0 (IR4.0) juga menjadi aspek penting dalam menyediakan penuntut dengan cabaran IR4.0 yang kompleks dan berwibawa.

“Matlamat pertandingan ini adalah untuk mempromosikan budaya inovasi melibatkan reka bentuk kejuruteraan, penyelesaian masalah sebenar dengan penyelesaian praktikal menggunakan produk oleh pelbagai syarikat multinasional yang menjadi penganjur bersama pertandingan.

“IMDC adalah pertandingan reka bentuk kejuruteraan merentasi pelbagai disiplin untuk pelajar prasiswazah kejuruteraan, sains komputer, sains dan matematik di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan.



Antara penuntut FKEE UTHM yang meraih kejayaan setelah berentap dengan 45 pasukan bertanding dalam IMDC 2017.